

Hartz sasar perolehan RM8 juta tahun ini

MIKE HENRY

KUCHING, Jumaat — Hartz Chicken (Malaysia) Sdn.Bhd.(Hartz) telah menasaskan jumlah perolehan sebanyak RM8 juta yang diperolehi daripada kesemua cawangan restorannya di seluruh negara tahun ini.

Sasaran itu merupakan peningkatan sebanyak 33 peratus berbanding dengan RM6 juta yang dicatat oleh Hartz Chicken pada tahun sebelumnya.

Kini Hartz mempunyai sebanyak empat buah restoran termasuk sebuah di Sunway Pyramid Mall di Petaling Jaya, sebuah di Mahkota Parade di Melaka, dua buah di Kuching yang terletak di Sarawak Plaza dan restoran Hartz Chicken yang terbaru di

Satok, dekat sini.

Menurut Pengurus Besarnya, Cik Margaret Sie, pihaknya telah membelanjakan kos sejumlah RM1.2 juta untuk membuka cawangan restoran di Satok.

Katanya, 40 peratus daripada kos keseluruhan tersebut digunakan untuk membeli kelengkapan dan peralatan di dalam restoran berkenaan.

Beliau berkata restoran Hartz Chicken di Satok mempunyai keluasan 3,400 kaki persegi di mana bahagian dapur menguasai sebanyak 30 peratus daripada keluasan tersebut.

Menurut Pengurus Pemasarannya, Encik Paul Chia berkata, restoran Hartz Chicken di Satok mempunyai konsep yang menawarkan perkhidmatan yang dibahagi kepada tiga kategori setakat ini.

"Ia termasuk hidangan buffet, kombinasi Take Out Hartz Express dan Hartz Drive iaitu kombinasi pesanan luar," ujarnya.

Paul berkata, restoran baru tersebut mampu menampung sejumlah 120 tempat duduk.

Paul berkata, pembukaan restoran Hartz di Satok merupakan yang keempat di Malaysia. Katanya, pihaknya dijangka menumpukan kawasan Lembah Klang sebagai sasaran Hartz untuk mengembangkan sayapnya sebelum bercadang untuk membuka cawangan restoran di negeri lain selepas ini.

"Kami telah menjangka untuk menerima sambutan yang baik dan bersedia untuk memulakan program Francais Hartz mulai sekarang," katanya.

Hartz Chicken telah ditubuhkan di Texas

Selatan dengan nama Hartz Krispy Chicken sejak 28 tahun yang lalu. Rangkaian restoran tersebut telah berkembang di seluruh Amerika Syarikat dan telah berkembang sehingga ke Asia sejak lima tahun yang lalu.

Pengarah Urusan Hartz, Encik Lau Tiong Ing dan Cik Margaret yang juga merupakan pemegang francais di Malaysia dan Brunei yang beribu-pejabat di Houston telah memainkan peranan besar dalam membawa Hartz ke Malaysia.

Kini, Hartz telah terbukti popular di kalangan warga kota Kuching dan Malaysia secara amnya selain, boleh ditemui di negara Cina, Hong Kong dan Indonesia.

Antara hidangan popular yang terdapat daripada menu asli Hartz ialah termasuk Krispy Chicken, Roasted Chicken, Hot Wings, Chicken Tenders, Hot Vegetables, Cold Salad, Casseroles selain minuman panas dan sejuk serta ais-krim daripada pelagai pilihan.



• JEFRI BAKERI

SEDAP... Pengarah Urusan Hartz Chicken (M) Sdn.Bhd., Encik Lau Tiong Ing (dua dari kanan) dan Pengurus Besar, Cik Margaret serta Pengurus Pemasarannya, Encik Paul Chia (kanan sekali) bergambar bersama di dalam restoran Hartz Chicken di cawangan baru di Satok dekat sini semalam.